

**KERAJAAN MALAYSIA
NOTIS PRA-KELAYAKAN KONTRAKTOR**

1. Kerajaan Malaysia berhasrat mempelawa tender dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui pra-kelayakan untuk

MEREKA BENTUK, MEMBINA DAN MENYIAPKAN 500 UNIT RUMAH TERES SATU (1) TINGKAT DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA BAGI PROGRAM RESIDENSI RAKYAT (PRR) BERA, PAHANG. (KPKT/BPJ/UB/T/4/2025)

2. **Keterangan Am Kerja**

Lokasi tapak bina terletak di **Bera, Pahang**.

Skop kerja bagi projek ini merangkumi

Kerja ini meliputi Pembinaan 500 unit rumah teres satu (1) tingkat menggunakan Sistem Bangunan Berindustri (IBS) serta kemudahan asas seperti dewan komuniti, surau, tadika & taska, gerai & kedai, bangunan ansilari, lanskap dan kawasan lapang, kemudahan utiliti seperti sistem bekalan air termasuk paip-paip rangkaian, jalan, sistem pembentungan termasuk loji rawatan dan lain-lain.

Kerja dijangka akan dimulakan dalam bulan **Mei** tahun **2026** dan tempoh penyiapan adalah **36 bulan**.

3. **Syarat-syarat untuk Pra-Kelayakan**

Permohonan Pra-Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut:

i) Pendaftaran Kontraktor

- (a) Kontraktor hendaklah mempunyai pendaftaran seperti berikut:

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dengan gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan;

atau

Pusat Kontraktor Negeri Sabah (PUKONSA) dengan Kelas, Tajuk dan Tajuk Kecil yang berkaitan dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang dikeluarkan oleh CIDB;

atau

Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) dengan Kelas, Kepala dan Sub-kepala yang berkaitan dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang dikeluarkan oleh CIDB.

3. Syarat-syarat untuk Pra-Kelayakan(samb.)

Permohonan Pra-Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut:

i) Pendaftaran Kontraktor

- (b) Jenis Pendaftaran : Syarikat tempatan yang mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% milik warganegara tempatan atau Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia atau Syarikat usahasama dengan pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49%)
- (c) Taraf Tender : Terbuka
- (d) Gred / Kelas, Kategori / Tajuk / Kepala dan Pengkhususan / Tajuk Kecil / Sub-Kepala:
 - Gred/Kelas : G7 (CIDB) atau Kelas A (PUKONSA/UPKJ)
 - Kategori/Tajuk/ Kepala : B (Bangunan) (CIDB) atau Tajuk II (PUKONSA) atau Kepala II (UPKJ)
 - Pengkhususan/ Tajuk Kecil/ Sub-Kepala : B01 dan B04 (CIDB) atau Tajuk Kecil 2a dan 4 (PUKONSA) atau Sub-Kepala 2a dan 2b (UPKJ)
- (e) Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh CIDB, PUKONSA/UPKJ dan BPKU dari menyertai tender, **TIDAK LAYAK** untuk menyertai pra-kelayakan ini.
- (f) Kebenaran khas CIDB atau PUKONSA atau UPKJ untuk kategori/pengkhususan kerja yang ditetapkan adalah **TIDAK DITERIMA**.
- (g) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dengan CIDB atau pendaftaran kontraktor dengan PUKONSA/UPKJ hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan dari tarikh tutup pra-kelayakan.
- (h) **Mempunyai Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate-TCC) berstatus patuh dan masih sah dalam tempoh tahun semasa.**
- (i) **Kontraktor diwajibkan untuk melaksanakan pengisytiharan Pemunya Benefisial (Beneficial Owners-BO) dengan mengemukakan Borang Pengisytiharan BO.**
- (j) **Kontraktor diwajibkan untuk menandatangani Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Perdagangan Orang Dan Buruh Paksa (SA).**

3. Syarat-syarat untuk Pra-Kelayakan(samb.)

- ii) **'Nett Worth'** melebihi **RM10,000,000.00** dan bernilai melebihi 20% daripada Nilai Tahunan Bebanan Kerja di mana 'Nett Worth' adalah perbezaan positif di antara Harta Tetap dan Tanggungan Tetap syarikat; atau

'Modal Pusingan' (working capital) melebihi **RM5,000,000.00** dan bernilai melebihi 10% daripada Nilai Tahunan Bebanan Kerja dimana 'Modal Pusingan' adalah perbezaan positif di antara Harta Semasa dan Tanggungan Semasa syarikat; atau

'Modal Mudah Cair' melebihi **RM1,500,000.00** dan bernilai 3% dari Nilai Tahunan Bebanan Kerja di mana 'Modal Mudah Cair' adalah purata nilai positif wang dalam tempoh 3 bulan, nilai saham, pinjaman dan nilai positif overdraf; atau

'Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja Tertinggi' yang disiapkan dalam tempoh 5 tahun hendaklah melebihi 30% dari Nilai Tahunan Bebanan Kerja iaitu bernilai **RM15,000,000.00**.

4. Pendaftaran Atas Talian untuk Pra Kelayakan

Petender yang berminat boleh mendaftar secara atas talian dengan menghubungi pegawai yang boleh dihubungi seperti berikut:

- i) sheryl_na@kpkt.gov.my (03-88913769)
- ii) norazianar@kpkt.gov.my (03-88913784)
- iii) halimh@kpkt.gov.my (03-88913783)

Petender perlu menyatakan nama syarikat, nama pegawai untuk dihubungi seperti alamat emel rasmi syarikat dan nombor telefon syarikat. Pendaftaran bermula dari **15 Julai 2025 sehingga 22 Julai 2025**.

5. Pembayaran Dokumen Pra Kelayakan secara tanpa tunai (Cashless)

Petender hendaklah mengambil perhatian bahawa proses pembelian dokumen bagi Petender yang telah mendaftar secara atas talian seperti di para 4 akan menerima pengesahan melalui emel yang mengandungi nombor siri pendaftaran sebelum pembayaran dokumen pra kelayakan.

- a) Petender juga akan menerima maklumat pembayaran yang mengandungi maklumat akaun pembayaran, rujukan nombor siri pendaftaran dan maklumat – maklumat lain yang perlu disertakan bagi tujuan semakan dan pengesahan jabatan.
- b) Petender akan mula menerima pengesahan emel bermula dari **30 Julai 2025 sehingga 31 Julai 2025**.

5. **Pembayaran Dokumen Pra Kelayakan secara tanpa tunai (Cashless)(samb.)**

- c) Petender hendaklah mengambil perhatian bahawa proses pembelian dokumen pra kelayakan adalah secara tanpa tunai (Cashless). Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai, cek, deraf bank, kiriman wang atau wang pos tidak akan diterima.
- d) Kaedah tanpa tunai (cashless) adalah melalui pemindahan Dana Elektronik (EFT) iaitu melalui kaedah DuitNow Sahaja. Transaksi melalui kaedah IBG adalah dilarang dan tidak akan diterima.
- e) Waktu jualan dokumen pra kelayakan adalah seperti berikut :

Tarikh

25 Ogos 2025 (Isnin) Hingga 27 Ogos 2025 (Rabu)

Masa

9.00 Pagi hingga 4 Petang

- f) Harga dokumen ialah **RM 50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja)**. Makluman Notis Pembayaran yang mempunyai maklumat Nama Akaun, No. Akaun KPKT dan No. Kod PTJ akan diberikan kepada petender yang telah berdaftar bagi tujuan pembayaran melalui emel.
- g) Petender yang memenuhi kriteria pendaftaran akan menerima emel pemakluman arahan pembayaran untuk pembelian dokumen pra-kelayakan.

6. **Penerimaan Dokumen Pra Kelayakan melalui emel**

- a) Setelah pembayaran dibuat, petender akan menerima resit IGFMAS atas nama petender.
- b) Petender akan diberi pautan bagi memuat turun dokumen pra-kelayakan secara Salinan lembut (*softcopy*) setelah pembayaran dibuat oleh Petender. Petender hendaklah memastikan semua dokumen yang dimuat turun adalah sebagaimana yang telah disenaraikan dalam semakan kandungan dokumen pra-kelayakan.
- c) Petender bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan setiap dokumen pra-kelayakan yang dimuat turun adalah lengkap. Adalah menjadi tanggungjawab Petender untuk merujuk kepada pejabat yang mengeluarkan dokumen pra-kelayakan supaya pembedaan kepada ketidaksempurnaan tersebut dapat dibuat.
- d) Kerajaan tidak akan bertanggungjawab sekiranya Petender cuai dalam memastikan kesempurnaan dokumen-dokumen pendaftaran dan resit pembayaran yang dimuat naik, dokumen yang perlu dimuat turun, dokumen-dokumen untuk penyerahan tender Pra-Kelayakan dan sebarang aduan berkaitan perkara ini tidak akan dilayan.

7. Penyerahan Dokumen Pra Kelayakan

Penghantaran dokumen adalah secara **Salinan Fizikal (*Harcopy*)** dan dokumen pra kelayakan hendaklah dikemukakan dan dimasukkan ke dalam peti/bilik tender di Alamat/ pejabat seperti berikut:

Tarikh

19 September 2025 (Jumaat)

Masa

Sebelum 12.00 Tengah Hari

Tempat

Aras 7, Unit Kontrak dan Ukur Bahan,
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan,
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya.